

PM ucap
takziah
kepada isteri,
keluarga
Fadzil Noor

KUALA LUMPUR 24 Jun —
Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.
Mahathir Mohamad dan Datin
Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali
mengucapkan takziah kepada is-
teri dan ahli keluarga Presiden
Pas, Allahyarham Datuk Fadzil
Noor yang meninggal dunia se-
malam.

Menurut kenyataan yang di-
keluarkan oleh Bahagian Akh-
bar Pejabat Perdana Menteri
hari ini, Dr. Mahathir dan isteri
diberitahu mengenai kematian
Fadzil ketika berada di dalam
pesawat yang sedang dalam per-
jalanan membawa mereka ber-
cuti ke luar negara.

Berita kematian itu diterima
setelah pesawat khas kerajaan
yang membawa mereka berlepas
dari Pangkalan Tentera Udara
Diraja Malaysia (TUDM), Su-
bang.

“Dr. Mahathir dan isterinya
melahirkan rasa dukacita yang
amat sangat kerana tidak dapat
menziarahi Allahyarham di hos-
pital di saat-saat akhir dan juga
tidak dapat bersama menghadiri
majlis pengkebumian Allahyar-
ham,” kata kenyataan tersebut.

Perdana Menteri dan isteri
berharap keluarga Allahyarham
sentiasa bersabar dalam meneri-
ma dugaan tersebut.